

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia membenarkan pencarum KWSP yang terpilih untuk menunaikan Haji boleh mengeluarkan simpanan mereka sebelum mencapai umur persaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. KWSP merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta 452 dan diberi mandat untuk melindungi dan mengurus simpanan ahli bagi menyediakan pendapatan persaraan melalui caruman mandatori daripada dua pihak, iaitu sebahagian upah/ gaji pekerja dan sebahagian lagi dicarumkan oleh majikan setiap bulan.

2. Caruman yang diterima akan dikreditkan ke dalam akaun mengikut nisbah 75:15:10 iaitu Akaun Persaraan (75%), Akaun Sejahtera (15%) dan Akaun Fleksibel (10%).

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Pengeluaran Haji telah di perkenalkan sejak tahun 2013 bagi ahli beragama Islam di bawah umur 55 tahun dan terpilih untuk mengerjakan ibadah Haji oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) boleh menggunakan simpanan Akaun Sejahtera (Akaun 2) untuk membiayai perbelanjaan asas bagi mengerjakan Haji.

4. Amaun yang boleh dikeluarkan daripada Akaun Sejahtera adalah perbezaan jumlah kos haji dengan baki simpanan akaun Tabung Haji ahli pada masa menerima tawaran Haji tertakluk kepada amaun maksimum RM3,000 atau baki Akaun Sejahtera (mengikut mana yang lebih rendah). Sekiranya ahli memerlukan pembiayaan tambahan, ahli boleh mengeluarkan simpanan daripada Akaun Fleksibel (Akaun 3).

Sekian, terima kasih.